

## 'KE KOREA KITA!'

**Archival News | Harian Metro | 01/07/2019 | Author: Oleh Faliq Lajim | A-All**

Kuala Lumpur: Walaupun baru saja berkenalan dan belajar di sekolahberbeza, ia tidak menghalang tiga pelajar ini untuk muncul juara dalamkategori Sekolah Menengah pada Kejohanan Robotik Dunia Kebangsaan 2019(WRC PRO 2019) di sini, semalam.

Pelajar terbabit adalah Foo Sheng Chai, 14, dari Sekolah MenengahKebangsaan (SMK) Seksyen 4, Bandar Kirara, Kuala Lumpur, J K Shaheil Kumar(SMK Kota Kemuning, Shah Alam), 14, dan Muhammad Syahir Arshad, 14, (SMKBukit Bandaraya, Kuala Lumpur).

Mereka dipilih selepas berjaya menunjukkan kecekapan mengendalikan RobotTetrix serta menyempurnakan tugas dalam masa ditetapkan yang melayakkanmereka mewakili Malaysia dalam Pertandingan Robotik Antarabangsa (IRC) diKorea Selatan, Oktober depan.

Muhammad Syahir berkata, dia dan dua ahli pasukannya tidak pernahberjumpa dan hanya berhubung melalui aplikasi WhatsApp.

"Pada mulanya memang agak janggal sebab kami tidak pernah berjumpa. Jadikami mulakan dengan sesi suai kenal supaya tiada masalah komunikasi dalam pertandingan ini.

"Sejujurnya, memang kami tidak menjangka dengan kemenangan ini. Namun,bersyukur serta akan membuat persiapan yang rapi bagi pertandingan diperingkat antarabangsa di Korea nanti," katanya selepas Majlis Penutup WRCPRO 2019 di Asia Pasific University of Technology & Innovation (APU), disini, semalam.

Turut hadir, Pengasas dan Pengarah Urusan World of Robotics Sdn Bhd LeeYew Kein, Ketua Pegawai Operasi (COO) APIIT Education Group GurpardeepSingh dan Naib Canselor APU Prof Dr Ron Edwards.

Selain mereka, pelajar dari Kolej Vokasional (KV) Setapak, Kuala Lumpur yang diwakili Fitri Rosli, 18, Muid Izzan Haziq Sahidzan, 18, dan MuhammadFarid Firdaus Zul Izman, 18, memenangi kategori KV dan turut mewakiliMalaysia dalam IRC nanti.

Fitri berkata, pasukannya itu pernah menyertai pertandingan berkenaanpada tahun lalu namun kalah berikutan faktor komunikasi antara rakanpasukannya.

"Namun, pada tahun ini kami tebus balik dan membuat persediaan rapiterutamanya dari segi kemahiran insaniah iaitu komunikasi.

"Kami sudah membuat persediaan hampir tiga bulan untuk pertandingan ini.Segala usaha kami bersengkang mata untuk membuat persediaan bagipertandingan dan membahagikan masa dalam pelajaran, akhirnya membuahkanhasil," katanya.

Sebanyak 50 pasukan membabitkan Sekolah Menengah dan KV dari seluruh negara mengambil bahagian dalam pusingan kelayakan kebangsaan pertandingan WRC PRO 2019 yang bermula Sabtu lalu.

Kesemua pasukan perlu menggunakan peralatan 'Pitsco Education' dari Amerika Syarikat dan menyempurnakan tugas yang diberikan.

Pertandingan itu dianjurkan bagi memberikan pendedahan secara meluas mengenai kejuruteraan robotik di peringkat antarabangsa kepada pasukan yang terbabit.

( END )

Source By: Harian Metro